

01/11/1997

Bersatu tentang penyangak ekonomi

SEMALAM, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata apa yang disuarakan Malaysia mengenai bahaya kegiatan tidak bertanggungjawab pedagang mata wang dan pasaran saham selama ini ternyata benar kerana ia sudahpun merebak kepada banyak negara lain.

Menurut Perdana Menteri, ketika kerajaan menyuarakan pandangan tegas mengenai kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu, banyak negara dan pelbagai pihak bukan sahaja enggan mengakuinya malah mereka menyalahkan pengurusan ekonomi Malaysia sebagai punca kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Jelaslah kebenaran, walau bagaimana sukar untuk ditegakkan, akhirnya akan terserlah jua. Begitu jugalah dengan pandangan Dr Mahathir. Walaupun ditempelak sebelum ini, kini ramai sudah mengakui kebenaran kata-katanya. Malah kita beranggapan, ia mengajar banyak pihak bahawa mereka yang cuba merosakkan orang lain akan turut sama rosak. Seperti kata Dr Mahathir, "dia rosakkan kita, dia rosak sama".

Ketika kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan, media dan pengurus dana asing mencadangkan supaya pemimpin Malaysia ditukar jika negara ini mahu mengatasi masalah itu.

Malah, mereka menyifatkan pemimpin Malaysia seperti Dr Mahathir sebagai pengacau. Maka, apabila krisis mata wang merebak ke negara lain, termasuk Amerika Syarikat, apakah Presiden Bill Clinton itu juga akan ditakrif sebagai pengacau? Malaysia juga dikecam teruk apabila kerajaan membenarkan syarikat yang disenaraikan di BSKL membeli balik saham mereka sendiri yang terjejas teruk akibat kejatuhan pasaran saham tempatan.

Kita berasa aneh kerana apabila kerajaan membuat keputusan membenarkan syarikat membeli balik saham mereka, kita dikecam hebat oleh pelbagai pihak termasuk di dalam negara sendiri. Mereka mendakwa itu tidak wajar dilakukan. Tetapi apabila Amerika berbuat demikian ketika keadaan bursa saham mereka meredum, tidak ada siapa pula yang mahu menegur.

Atas desakan pentadbiran Clinton, beberapa syarikat membeli balik saham mereka bagi menstabilkan semula Bursa Saham New York yang jatuh teruk.

Cuma tidak ada pihak yang mengkritik Clinton kerana mengamalkan langkah yang sebelum ini dilakukan oleh Malaysia itu. Contohnya, IBM iaitu gergasi pengeluaran peralatan pejabat yang memulakan proses membeli balik ini dengan membeli lebih AS\$2 bilion saham mereka sendiri. Kita tertanya-tanya di manakah pengkritik itu?

Tanggapan kononnya masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham di beberapa negara berpunca daripada salah pengurusan ekonomi negara itu sebenarnya hanyalah alasan. Mereka yang cuba memiskinkan orang lain tidak mungkin jadi kaya. Mereka menerima bahana kemiskinan itu juga. Itulah yang menimpa kebanyakan negara yang cuba berbuat demikian.

Kita berpandangan kritikan Dr Mahathir terhadap penyangak ekonomi adalah sesuatu yang diizinkan oleh syariat kerana kaedah usul fikah menyatakan: "Untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang ramai, maka diboleh melakukan kemudaratan yang menimpa seseorang peribadi".

Kita harus bersyukur mempunyai seorang pemimpin yang begitu berani bersuara untuk meruntuhkan rangkaian kumpulan penyangak ekonomi yang menggunakan apa juga cara bagi meranapkan semua kerajaan dan agama bagi mewujudkan satu kerajaan dunia.

Rancangan dan kegiatan penyangak ekonomi bukan baru. Sejarah membuktikan

revolusi Inggeris, Perancis, kejatuhan Napoleon, Revolusi Amerika, Russia dan Perang Pertama dan Kedua ada kaitan dengan angkara penyangak ekonomi yang juga dikenali sebagai pemodal elit.

Apakah kita lupa kata-kata Rothschild (yang merangka penubuhan Bank Simpanan Persekutuan Amerika): "Biar aku mengeluarkan dan menguasai wang negara dan aku tidak peduli siapa yang merangka undang-undang"? (Let me issue and control a nation's money dan I care not who writes it's laws").

Sejarah membuktikan bahawa kemenangan umat Islam dalam Perang Badar pada zaman Rasulullah kerana memiliki tiga kekuatan - akidah, iman dan perpaduan.

Dengan kekuatan itu dan kesungguhan mereka menentang musuh sepertimana Firman Allah dalam surah al-Imran: 123 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah sudah menolong kamu dalam peperangan Badar, walhal kamu pada ketika itu adalah golongan yang lemah (sedikit). Kerana itu bertakwalah kepada Allah supaya kamu dapat berbuat kesyukuran".

Kita percaya rakyat Malaysia wajar bersatu teguh di belakang Perdana Menteri untuk berjuang menentang sebarang pakatan jahat untuk meruntuhkan kejayaan yang kita bina.

(END)